

Asia e University bantu lahir guru berijazah Pengajian Islam

» Guru agama miliki diploma berpeluang sambung pelajaran peringkat tinggi

Menjelang 3 dasawarsa lalu, sektor pendidikan tempatan menyaksikan cabaran makin hebat guru sebagai pendidik generasi milenia atau dalam istilah sosiologi Generasi Alpha yang lahir dari 2010. Generasi Alpha menyerlah ciri-ciri cenderung kepada materialistik dan sangat fokus kepada teknologi tinggi berbanding generasi sebelumnya iaitu Generasi X, Y dan Z. Jangkaan tinggi pelajar terhadap pengetahuan dan teknik pedagogi guru punca utama mengapa tahap ilmu akademik dan berfikir secara kreatif amat diperlukan.

Meskipun terdapat kesungguhan dan bantuan dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk membantu guru menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, faktor kekangan masa dan komitmen tinggi menjadi penghalang signifikan kepada hasrat guru menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Jika sebelum ini melalui Sekolah Pendidikannya, Asia e University (AeU) memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Pengajian Bahasa Melayu, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, kini Pusat Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) AeU pula memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan Pengajaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah.

Subjek yang menepati kehendak semasa pasaran

Sebagaimana guru perlu mempunyai pelbagai kemahiran dalam menarik minat pelajar, program ini turut menawarkan subjek yang merangkumi kaedah pedagogi dan psikologi. Ia selaras keperluan memahami kehendak pelajar peringkat rendah agar ilmu itu lebih mudah untuk disampaikan.

"Mengambil kira keperluan semasa, kami turut memasukkan subjek seperti Perkembangan Emosi dan Sosial Kanak-Kanak, Psikologi Pendidikan dan Kanak-Kanak dan Keperluan Istimewa. Ia bagi menyediakan guru agama



Kelas tutorial program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan pengkhususan Pengajaran Pengajian Islam yang dijalankan di Asia e University.

yang siap siaga dari aspek akademik, emosi dan mental apabila berhadapan dengan pelajar" ujar Dekan SAHUSS, Profesor Dr Juhary Ali.

Pengetahuan tentang bidang psikologi diyakini akan membantu guru untuk tampil lebih yakin dan seterusnya dapat mengenali dan menguasai pelajar dengan lebih baik terutama untuk menarik minat mereka.

Lulusan memiliki Ijazah lebih fleksibel

Bagi guru agama yang memiliki diploma diiktiraf MQA sama ada dari Institut Pendidikan Guru (IPG) mahupun IPTA/IPTS, mereka mempunyai peluang memendekkan tempoh pengajian melalui pemindahan kredit bagi subjek yang relevan sehingga maksimum 30 peratus dari nilai kredit keseluruhan. Ini bermakna, guru dapat mengurangkan sehingga satu tahun tempoh pengajian berdasarkan pengambilan tiga subjek bagi setiap semester.

"Bagi mereka yang tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan, namun berminat mengikuti program ini, mereka boleh memohon melalui Sistem Kemasukan Terbuka (Open Entry System) iaitu memiliki sekurang-kurangnya PMR atau SPM dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat," kata Profesor Juhary.

Dengan jadual kelas yang ditetapkan sekali dalam sebulan

dan dijalankan di setiap negeri di Malaysia, pelajar tidak perlu lagi kluatir perihal pembahagian masa kerana di AeU pembelajaran dikhususkan mengikut keperluan pelajar, tambah beliau.

Pengambilan pertama program ini dibuat pada sesi September 2013 dan pendaftaran untuk sesi pengajian Januari 2014 boleh dibuat secara bersempua di kaunter pendaftaran di Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, melalui wakil di Pusat Pengajian AeU di setiap negeri atau secara dalam talian di www.aeu.edu.my

"Bagi mereka yang tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan, namun berminat mengikuti program ini, mereka boleh memohon melalui Sistem Kemasukan Terbuka (Open Entry System) iaitu memiliki sekurang-kurangnya PMR atau SPM dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun"

Juhary Ali,
Dekan SAHUSS

Bagi memudahkan proses pembelajaran, AeU membuka pusat pengajian di seluruh Malaysia dan terletak di pusat bandar utama negeri atau daerah. Setiap pusat pengajian dilengkapi kemudahan asas dan boleh diakses dengan mudah berdasarkan lokasinya yang strategik. Tenaga pengajar juga kebanyakannya adalah dari kalangan warga setempat bagi mengelakkan masalah pengangkutan dan menjimatkan masa pengajar dan pelajar.

Program diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Antara perkara utama yang diberi perhatian dalam memilih cabang pendidikan adalah aspek iktisad atau pentaulihan. Sebagaimana AeU memandang serius aspek ini, kesemua program akademik bukan eksekutif AeU memperoleh pengiktirafan dari MQA.

"Pematuhan terhadap garis panduan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia adalah perkara terpenting yang diberi perhatian oleh IPTA mahupun IPTS di Malaysia dan AeU tidak terkecuali. Kami memastikan kualiti kandungan program dan ahli akademik yang terbabit bertepatan dengan peraturan ditetapkan" ujar Profesor Dr. Alwi@Abdullah Hassan yang juga antara kakitangan akademik SAHUSS yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang Pengajian Islam dan Perbankan Islam.

Guru atau mereka yang berminat untuk mengikuti program

ini boleh mendapatkan pinjaman pembiayaan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau membuat bayaran melalui pemotongan tabungan melalui KWSP.

Berlandaskan usaha murni global oleh 33 negara Asia untuk bersama-sama membangunkan modal insan, membasmi kemiskinan melalui peningkatan taraf pendidikan dan kehidupan dalam masyarakat Asia, AeU mengamalkan sistem pengajian yang fleksibel dan mampu disertai pelajar.

Seramai 10,000 pelajar kini menuntut dalam 30 program meliputi peringkat Doktor Falsafah hingga ke kursus Asasi yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bagi memenuhi permintaan pasaran dan industri, AeU bergerak ke hadapan dengan menjalankan kolaborasi dengan institusi, agensi dan syarikat tempatan serta antarabangsa seiring keperluan semasa pasaran.

Bagi memudahkan proses pembelajaran, AeU membuka 23 pusat pengajian di seluruh Malaysia di mana kebanyakannya terletak di pusat bandar utama negeri atau daerah.

Pelajar boleh menghantar permohonan melalui kemasukan umum ataupun Sistem Kemasukan Terbuka yang mengambil kira tahap pengalaman individu selain taraf kelayakan akademik. Maklumat lanjut sila layon www.aeu.edu.my atau telefon talian bebas tol 1-300-300-238.